

**NO. SOALAN: 229**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR**

**RUJUKAN : 8805**

**SOALAN:**

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah kesinambungan yang telah diambil oleh Kementerian setelah melaksanakan Program 6P beberapa tahun yang lalu. Nyatakan jumlah pekerja asing yang pernah melalui proses 6P tetapi masih berada di negara kita sehingga sekarang.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *Rehiring* merupakan salah satu inisiatif bagi membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam Negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa serta memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan pekerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja.

Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan Majikan untuk menyertai Program *Rehiring* dan akan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke Negara asal mengikut prosedur sedia ada bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam Negara.

Memandangkan terdapat banyak kes-kes majikan yang ditipu semasa Program 6P, Kementerian melihat pelaksanaan Program akan lebih teratur dengan adanya pemantauan bersama dan jalinan kerjasama antara syarikat-syarikat yang dilantik. Syarikat-syarikat yang dilantik bertanggungjawab membimbing, menasihati dan memastikan Majikan dan PATI melalui proses dan prosedur Program *Rehiring* sebagaimana yang diputuskan oleh Kerajaan.

Mana-mana Majikan yang didapati menggaji PATI tanpa berdaftar dibawah Program *Rehiring* akan dikenakan hukuman

**yang berat mengikut perundangan sedia ada melibatkan kesalahan menggaji PATI.**

**Untuk makluman juga, bagi tempoh 1 Januari 2015 sehingga 10 Mac 2016 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menjalankan sebanyak 12,719 operasi dimana seramai 302,950 orang warga asing telah diperiksa. Dari jumlah tersebut, seramai 71,356 orang warga asing telah dikenalpasti melakukan pelbagai kesalahan imigresen iaitu 49,124 orang lelaki dan 18,149 orang perempuan serta 4,083 orang kanak-kanak.**

**Di samping itu, Kementerian juga telah melancarkan Program PATI Serah Diri Secara Sukarela Untuk Kembali Ke Negara Asal (Program 3+1) bermula dari 1 Jun 2014 sehingga 31 Disember 2015. Susulan itu, Program ini telah dilanjutkan untuk tempoh 12 bulan bermula dari 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.**

Jumlah pekerja asing yang pernah melalui proses di bawah program 6P yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja sementara (PLKS) dan masih aktif adalah sejumlah 18,596 orang. Perincian pemegang PLKS di bawah program 6P mengikut sektor dan warganegara adalah seperti berikut :

1	BANGLADESH	1	5,457	1,230	1,015	125	315	8,143
2	CAMBODIA	11	2	9	13	3	2	40
3	INDIA	75	67	63	102	53	32	392
4	INDONESIA	2,819	2,491	426	806	895	520	7,957
5	MYANMAR	3	194	345	276	31	37	886
6	NEPAL	4	27	119	450	13	54	667
7	FILIPINA	153	3	1	5	0	1	163
8	SRI LANKA	7	4	9	6	5	1	32
9	THAILAND	4	2	1	10	0	0	17
10	VIETNAM	14	34	46	22	2	3	121
11	PAKISTAN	0	67	28	38	9	9	151
12	CHINA	0	0	0	27	0	0	27